

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

**DOKUMEN SEBUT HARGA
BAGI**

**PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/651
TARIKH BUKA	24 SEPTEMBER 2025
TARIKH TUTUP	07 OKTOBER 2025
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/651

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 5
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AWAM SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 16
F	BORANG SEBUT HARGA	BS 1
G	<i>PREAMBLES</i>	P 1- P 2
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
J	SENARAI KUANTITI	SK 1- SK 3
K	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP1- PP10
L	KADAR DENDA	KD 1
M	LAMPIRAN (LAMPIRAN 1 CONTOH PELEKAT KENDERAAN)	L 1
N	(LAMPIRAN 2 - TATACARA OPERASI PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PBT, PEKELILING KSU KPKT)	L 2
P	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan sebut harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga semasa penilaian sebut harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebut harga. justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum sebut harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **sebut harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib) .	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. atau: Salinan Borang Teras (<i>'Super Form'</i>) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Borang pengistiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Surat Akuan Syarikat dalam menangani Jenayah Perdagangan Orang Dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dan ditandatangani (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Salinan sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i> (TCC)) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus 'PATUH' - sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di lampiran kepada Arahan Kepada Petender (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada)
Tandatangan :	Tandatangan :
Nama:	Nama:
Jawatan :	Jawatan :
Tarikh :	Tarikh :
	Tandatangan :
	Nama:
	Jawatan :
	Tarikh :

* Sila potong mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO.SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/651

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

**BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA
BENEFISIAL
(LAMPIRAN 12)**

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/651

Saya nombor kad pengenalan yang mewakili syarikat nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)
Cap Syarikat :

Catatan:

* Potong yang mana tidak berkenaan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM
MENANGANI PERMERDAGANGAN ORANG
DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)**

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

**PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1)
TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

MBSJ.KUB.400-5/6/651

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi;
dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING
TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM
KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/651

Kepada :
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah bekalan ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan senarai kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan jumlah tawaran harga sebanyak : (Ringgit Malaysia.....) RM bagi tempoh perkhidmatan (ditetapkan) adalah selama satu tahun (1) tahun.

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Saya/Kami bersetuju menyerahkan Bon Pelaksanaan dan ia hendaklah meliputi keseleruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk sama ada:

- a. Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
b. Jaminan Syarikat Kewangan atau
c. Jaminan Insurans / Takaful

Petender akan menanggung fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran di perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender.

Bertarikh haribulan 2025

..... Tandatangan Petender Tandatangan Saksi

Nama Penuh : Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan : No. Kad Pengenalan :
Alamat : Alamat :
.....
No. Telefon : No. Telefon :
Atas Sifat :

.....
(Meterai atau Cap petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

BIL	HURAIAN
	<p><u>NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN</u></p>
A	Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama dengan kadar harga yang dinyatakan di dalamnya.
B	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.
C	Setiap pekerja atau mana-mana individu berkait dengan petender adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti baju berlengan panjang, seluar panjang, <i>respirator</i> , pelindung telinga, sarung tangan keselamatan, cermin mata keselamatan dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berkaitan akan dibuat untuk tindakan mengikut Akta Keselamatan Pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu tersebut.
D	Tuntutan bayaran interim secara bulanan hendaklah dikemukakan oleh pihak kontraktor sepertimana di dalam Arahan Kepada Petender.
	<p><u>BAYARAN FI UNTUK PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK</u></p>
E	Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.
F	Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan penyewaan jentera berat ini serta makluman kepada petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan .
	<p><u>PERLINDUNGAN TAKAFUL / INSURANS & BON PELAKSANAAN</u></p>
G	Kontraktor hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful/Insurans Tanggungan Awam sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender) ** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insuran
H	Kontraktor hendaklah menyediakan Menyediakan Bon Perlaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).
J	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua Perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.
K	Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan / atau Polisi Pampasan Pekerja.

Bil	Huraian
L	<p data-bbox="244 253 1453 320"><u>Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai perkhidmatan 2018 [Akta 807]</u></p> <p data-bbox="244 353 1453 421">Semua tawaran harga secara Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa dikenakan CJCP.</p> <p data-bbox="244 454 1453 555">Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis.</p> <p data-bbox="244 589 1453 689">Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk dikenakan CJCP</p> <p data-bbox="244 723 1453 891">Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat berdaftar CJCP setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta CJCP. Pelarasan harga dikenakan CJCP tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P)</p>



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/651

JENIS KERJA : PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU(1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BIL	RINGKASAN KERJA	JUMLAH (RM)
1.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 1/3
2.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 2/3
3.0	JUMLAH DARI MUKA SURAT SK 3/3
	JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : Satu (1) Tahun.

<p>..... (Tandatangan Petender dan Cap)</p> <p>Nama:</p> <p>No. KP:</p> <p>Atas Sifat:</p> <p>Cap & Alamat Syarikat:.....</p> <p>No. Telefon:</p> <p>No. Fax:</p>	<p>..... (Tandatangan Saksi)</p> <p>Nama:</p> <p>No. KP:.....</p> <p>Alamat:</p> <p>.....</p> <p>No. Telefon:</p>
---	---



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SENARAI KUANTITI

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

SENARAI KUANTITI

TAJUK : **PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

NO. SEBUT HARGA : **MBSJ.KUB.400-5/6/651**

Senarai kuantiti ini merupakan sebahagian daripada kontrak dan **hendaklah dibaca bersama-sama spesifikasi / penentuan perkhidmatan.**

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1.0	Penyediaan laporan			
A	Menyediakan Laporan Bulanan bagi menunjukkan perkhidmatan yang telah dilaksanakan yang mengandungi arahan kerja/jadual kerja, gambar bertarikh sepanjang tempoh kontrak.	SET	12	
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)			

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
2.0	<p>PERKHIDMATAN PENANGKAPAN ANJING TERBIAR</p> <p>Nota: Kaedah penangkapan anjing mengikut Garis Panduan Piawai (SOP) penangkapan dan pelupusan Anjing Terbiar Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bil 5 Tahun 2014.</p> <p>Melaksanakan perkhidmatan penangkapan anjing terbiar di kawasan pentadbiran MBSJ mengikut arahan kerja dan spesifikasi yang ditetapkan (tangkapan melibatkan semua jenis dan saiz) termasuk penyediaan peralatan, tenaga kerja dan pengangkutan (minyak dan tol) yang bersesuaian dan lain-lain berkaitan mengikut arahan majlis iaitu:</p>				
A	<p>Anjing yang berjaya ditangkap bagi setiap operasi yang dilaksanakan mengikut pemantauan dan pengesahan pegawai majlis</p>	EKOR	2,000		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)				

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
3.0	<p>PERKHIDMATAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR</p> <p>Nota: Kaedah penangkapan anjing mengikut Garis Panduan Piawai (SOP) penangkapan dan pelupusan Anjing Terbiar Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bil 5 Tahun 2014.</p>				
A	<p>Melaksanakan perkhidmatan PELUPUSAN anjing yang telah dibinasakan oleh Pihak Majlis mengikut arahan kerja dan spesifikasi yang ditetapkan termasuk penyediaan peralatan, tenaga kerja dan pengangkutan (minyak dan tol) yang bersesuaian dan lain-lain berkaitan mengikut arahan majlis iaitu:</p>	EKOR	2,000		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)				



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PENENTUAN PERKHIDMATAN

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PENENTUAN KERJA

TAJUK : PERKHIDMATAN PENANGKAPAN & PELUPUSAN ANJING TERBIAR BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO. SEBUTHARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/651

DEFINISI

- 1.1 **Anjing berlesen**
Anjing yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil 4, UUK Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (MBSJ) 2007 iaitu anjing yang memakai lencana yang dibekalkan oleh Majlis pada tahun berkenaan.
- 1.2 **Anjing berkeliaran**
Mana-mana anjing yang berlesen atau tidak yang berlesen di dapati berkeliaran di tempat awam .
- 1.3 **Lokaliti**
Bagi tujuan langkah kawalan, lokaliti adalah sekumpulan rumah yang mempunyai keadaan epidemiologinya tersendiri dan lain-lain sifat fizikal dan biologikal persekitaran seperti sebuah bandar kecil, kawasan perumahan, kampung dan sebagainya.
- 1.4 **Penangkapan**
Perihal menangkap, pemegangan dan lain-lain yang dijalankan oleh individu atau kumpulan yang tidak menyebabkan kecederaan terhadap haiwan tersebut mengikut "Animals Act 1953 Part IV Prevention Of Cruelty To Animals".
- 1.5 **Pegawai Kesihatan**
Mana-mana pengamal perubatan dalam perkhidmatan kerajaan atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang sedang menjalankan tugas-tugas Pegawai Kesihatan dalam mana-mana kawasan, daerah atau kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, termasuklah had lapangan terbang dan pelabuhannya dan termasuklah Ketua Pengarah, dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Kesihatan.
- 1.6 **Pegawai Veterinar**
Mana-mana pengamal perubatan veterinar yang telah dilantik dan berdaftar dengan Majlis Perubatan Veterinar Malaysia.
- 1.7 **Pihak Berkuasa Melesen**
Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau Setiausaha suatu Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua.

1.8 **Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran**

Seseorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam perkhidmatan kerajaan atau perkhidmatan mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan dan termasuklah seseorang lain yang ditetapkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah atau seseorang Pegawai Kesihatan sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

1.9 **Pembantu Kesihatan Awam**

Seseorang Pembantu Kesihatan Awam dalam perkhidmatan kerajaan atau perkhidmatan mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan dan termasuklah seseorang lain yang ditetapkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah atau seseorang Pegawai Kesihatan sebagai Pembantu Kesihatan Awam.

2.0 **Pusat Kurungan Haiwan**

Suatu tempat penyimpanan haiwan berkeliaran sementara yang disediakan oleh pihak Majlis.

2.0 **BIDANG KONTRAK**

Perkhidmatan yang akan dijalankan di bawah kontrak ini adalah seperti berikut:

- i) Menangkap anjing-anjing yang berkeliaran di tempat awam (berlesen dan tidak berlesen) atau mana-mana anjing yang tidak berlesen dijumpai di dalam mana-mana premis.

3.0 **JADUAL KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN**

3.1 Menangkap anjing-anjing yang berkeliaran (berlesen dan tidak berlesen) atau mana-mana anjing yang tidak berlesen dijumpai di dalam mana-mana premis.

3.1.1 **Jadual menangkap anjing yang berkeliaran**

Mengikut ketetapan dan arahan daripada pihak Majlis.

3.1.2 Spesifikasi dan Standard

- i) Aktiviti penangkapan hendaklah dilakukan di dalam kawasan yang telah ditetapkan di bawah arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.
- ii) Setiap aktiviti tangkapan anjing **mestilah dipantau dan diselia oleh sekurang-kurangnya seorang Penyelia dari Jabatan Kesihatan, MBSJ** bagi memastikan ia mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.
- iii) Sebelum memulakan aktiviti tangkapan, Taklimat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang ringkas perlu diberikan oleh Penyelia. Kerja-kerja tangkapan perlu mengikut Arahan Kerja Selamat Tangkapan dan Kurungan Anjing oleh pihak Majlis.
- iv) Kerja-kerja penangkapan hendaklah menggunakan peralatan, kaedah yang bersesuaian dan Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang lengkap seperti baju uniform, kasut dan seluar panjang (seluar taktikal) di satu-satu lokasi.
- v) Kaedah tangkapan hendaklah samada menggunakan teknik 'loop & rod' atau 'catching net' atau kaedah lain yang dibenarkan sahaja dan tidak membahayakan diri, orang awam serta harta awam.
- vi) Penempatan anjing-anjing yang telah ditangkap hendaklah di dalam kenderaan khas dan bersesuaian.
- vii) Anjing-anjing yang telah ditangkap hendaklah di hantar ke Pusat Kurungan Haiwan Majlis Bandaraya Subang Jaya
- viii) Sekiranya berlaku kelewatan / kerosakan kenderaan operasi sehingga menyebabkan kerja-kerja tangkapan tidak dapat dilakukan, kontraktor hendaklah mempunyai ganti dan memaklumkan kepada Majlis tentang kerosakan / kelewatan secara lisan dan disusuli secara bertulis untuk tujuan rekod semasa.

KEPERLUAN KHUSUS

I. Skop Kerja :

- *Petender WAJIB nyatakan samada setuju / tidak setuju*
- *Nota : Sekiranya petender menyatakan TIDAK SETUJU, petender hendaklah menyatakan cadangan di bahagian cadangan tambahan*

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
1.0	KAWASAN KERJA		
	1.1 Kawasan kerja yang tertakluk di bawah kontrak ini adalah melalui semua jalan, lorong dan semua laluan yang boleh diterokai di dalam kawasan yang telah ditetapkan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.		
2.0	SUMBER TENAGA MANUSIA		
	2.1 Pihak kontraktor dikehendaki menyediakan pekerja yang tetap sekurang-kurangnya; <ul style="list-style-type: none"> i) 3 orang pekerja untuk menjalankan kerja-kerja tangkapan anjing berkeliaran di kawasan kerja yang telah ditetapkan. ii) 1 orang pemandu kenderaan bermotor. 2.2 Pihak petender bertanggungjawab memastikan dalam setiap operasi tangkapan jumlah anggota adalah mencukupi. 2.3 Pihak petender juga bertanggungjawab atas keselamatan dan kesihatan pekerja		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
3.0	PAKAIAN SERAGAM & PERALATAN ALAT-ALAT PERLINDUNGAN DIRI (PERSONAL PROTECTION EQUIPMENT (PPE))		
	<p>3.1 Kontraktor mestilah menyediakan <i>Personal Protection Equipment</i> (PPE) bagi kegunaan pekerjaanya seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sarung Tangan • Kasut bertutup dan • Seluar panjang (seluar taktikal) <p>3.2 Peralatan perlindungan diri perlulah sentiasa mencukupi bilangannya dan sentiasa diselenggara dengan baik.</p> <p>3.3 Kontraktor mestilah menyediakan pakaian seragam yang tercatat tulisan “Kontraktor Yang Dilantik Oleh MBSJ”. Warna pakaian seragam (baju lengan panjang dan topi) tersebut hendaklah berbeza dengan warna pakaian seragam yang digunakan oleh MBSJ atau mana-mana pasukan pakaian seragam kerajaan dan mestilah dipakai setiap hari semasa bekerja.</p>		
4.0	WAKTU HARI & KEKERAPAN BEKERJA		
	<p>4.1 Kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini antara jam 7.00 pagi sehingga 7.00 petang atau mengikut masa dan tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis dari masa ke semasa.</p> <p>4.2 Bekerja termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum (tertakluk kepada arahan semasa).</p> <p>4.3 Kontraktor yang berjaya mestilah sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk menjalankan tugas mengikut arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.</p>		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
5.0	PENGANGKUTAN		
	<p>5.1 Pemandu kenderaan mempunyai lesen memandu yang sah.</p> <p>5.2 Pekerja perlu warganegara Malaysia dan berumur daripada 18 tahun hingga 55 tahun.</p> <p>5.3 Pihak petender hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya sebuah kenderaan bagi tujuan pengangkutan pekerja dan haiwan yang ditangkap dalam sebarang operasi tangkapan dan sebuah kenderaan gantian jika kenderaan utama rosak/gagal berfungsi.</p> <p>5.4 Kenderaan dicadangkan adalah dari jenis <i>pick up</i> seperti hilux atau van yang mempunyai ruangan penyimpanan anjing yang ditangkap. Kenderaan hendaklah mempunya ventilasi yang cukup bagi memastikan udara mencukupi bagi haiwan yang ditangkap sepanjang perjalanan ke pusat simpanan.</p> <p>5.5 Semua kenderaan yang digunakan mestilah sentiasa dalam keadaan kemas dan bersih.</p> <p>5.6 Kontraktor hendaklah memastikan kenderaan yang digunakan sentiasa diselenggara dan berada di dalam keadaan yang baik.</p> <p>5.7 Kos perjalanan dan bahan api bagi kenderaan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat.</p> <p>5.8 Kerja-kerja penyelenggaraan kenderaan adalah ditanggung oleh pihak syarikat.</p>		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	<p>5.9 Kenderaan untuk menjalankan kerja-kerja yang di dalam sebut harga ini hendaklah mencukupi sama ada untuk membawa pekerja, peralatan dan keperluan yang berkaitan. Semua kenderaan ini juga hendaklah dilekatkan dengan 'pelekat MBSJ' dengan perkataan 'Kontraktor MBSJ' (Rujuk Lampiran 1).</p>		
6.0	GANGGUAN		
	<p>6.1 Kontraktor hendaklah memastikan tiada sebarang kacauganggu atau apa-apa halangan atau gangguan kepada orang awam semasa melaksanakan kerja-kerja tersebut.</p>		
7.0	PERALATAN		
	<p>7.1 Pihak syarikat hendaklah menyediakan kelengkapan tangkapan yang dibenarkan oleh pihak jabatan perkhidmatan veterinar.</p> <p>7.2 Dalam setiap operasi tangkapan pihak syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya 4 unit peralatan tangkapan seperti berikut.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Rod dan Loop tangkapan dan / atau 2. Jaring (<i>Dog Catcher Net</i>) 3. Lain-lain kaedah yang bersesuaian <p>7.3 Pihak syarikat juga digalakkan untuk menyediakan sangkar anjing bagi memudahkan pemindahan anjing yang ditangkap ke dalam kenderaan.</p>		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	7.4 Pihak syarikat adalah tidak dibenarkan menggunakan kaedah sumpitan, tembakan atau pelali kecuali mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pihak Polis Diraja Malaysia.		
8.0	Kerja-kerja penangkapan anjing berkeliaran		
	<p>8.1 Pihak syarikat perlu memastikan semasa operasi penangkapan segala keperluan adalah mencukupi dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>8.2 Operasi penangkapan adalah berdasarkan kawasan yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan dipantau oleh penyelia daripada Majlis.</p> <p>8.3 Membekalkan segala peralatan, tenaga kerja dan pengangkutan yang mencukupi bagi menjalankan sesuatu operasi penangkapan anjing dalam kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengikut arahan kerja dan spesifikasi kerja yang ditetapkan bagi setiap operasi dijalankan.</p> <p>8.4 Kontraktor hendaklah memastikan tiada sebarang kacauganggu atau apa-apa halangan atau gangguan kepada orang awam semasa melaksanakan kerja-kerja tersebut.</p>		
9.0	Kerja-kerja pelupusan anjing yang telah dibinasakan		
	<p>9.1 Melupuskan anjing-anjing yang telah dibinasakan.</p> <p>9.2 Anjing-anjing yang telah dibinasakan oleh pihak Majlis hendaklah dibalut dengan baik sebelum dilupuskan di tempat/tapak pelupusan yang dibenarkan Majlis sahaja.</p>		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
	<p>9.3 Kekerapan pelupusan sekurang-kurangnya sebanyak dua kali dalam tempoh sebulan.</p> <p>9.4 Sekiranya berlaku kerosakan kenderaan dan penghantaran ke tapak pelupusan tidak dapat dilakukan, kontraktor hendaklah mempunyai 'back-up' dan memaklumkan kepada Majlis tentang kelewatan secara lisan dan disusuli secara bertulis untuk tujuan rekod semasa.</p> <p>9.5 Pihak kontraktor perlu melampirkan resit bayaran daripada tapak pelupusan yang dibenarkan Majlis sahaja setelah melupuskan anjing.</p>		
10.0	SUB-KONTRAK		
	<p>10.1 Kontraktor TIDAK BOLEH pada bila-bila masa menyerahkan/mewakilkan (sub-contract) atau melepaskan kesemua atau sebahagian dari kontrak ini kepada orang lain.</p> <p>10.2 Kontraktor TIDAK BOLEH menyerahkan hak kontrak tersebut atau mana-mana hak bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan mana-mana bahagian atau kerja-kerja di dalam perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis pihak MBSJ.</p>		
11.0	PENAMBAHAN ATAU PENGURANGAN KERJA		
	<p>11.1 Bilangan unit kuantiti yang dinyatakan adalah anggaran sahaja. Pihak MBSJ berhak memberikan arahan dari semasa ke semasa</p> <p>11.2 Sebarang perubahan kerja samada penambahan atau pengurangan hendaklah diluluskan oleh pihak MBSJ.</p>		

BIL	SKOP PERKHIDMATAN	*SETUJU / TIDAK SETUJU	CADANGAN TAMBAHAN (SILA NYATAKAN)
12.0	PENGALAMAN KERJA		
	12.1 Kontraktor hendaklah menyenaraikan pengalaman-pengalaman kerja berserta bukti yang merangkumi; <ul style="list-style-type: none"> a) Jenis kerja b) Nama dan Alamat Agensi Kerajaan / Swasta dan nombor telefon c) Tahun dan tempoh kerja d) Nilai kerja e) Salinan sah surat pengesahan dari Agensi Kerajaan / Swasta tersebut. 		
13.0	Kontraktor adalah pada bila-bila masa juga dilarang menggunakan mana-mana kenderaan / kelengkapan / peralatan HAKMILIK MBSJ.		
14.0	Bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini, kontraktor adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja mana-mana pekerja yang sedang bekerja dengan MBSJ samada tetap, sementara, kontrak atau lain-lain.		
15.0	Petender yang berjaya dikehendaki menanda tangani perjanjian kontrak dan mematuhi syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dan petender juga akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian yang ditetapkan oleh pihak Majlis		
16.0	Pihak Syarikat hendaklah menyediakan laporan kerja berwarna sebanyak 2 salinan. Setiap tuntutan bayaran mesti disertakan dengan kerja bergambar yang mempunyai tarikh dan masa gambar diambil.		

**petender wajib menyatakan samada setuju / tidak setuju*



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

KADAR DENDA

KADAR DENDA

BIL	PERKARA	KADAR POTONGAN
1.	Bilangan kenderaan dan peralatan untuk kaedah tangkapan yang dinyatakan dalam sebutharga ini, hendaklah bilangan sebenar yang akan diadakan bagi melaksanakan semua kerja-kerja di bawah kontrak ini.	Kegagalan menyediakan bilangan sebenar kenderaan dan peralatan untuk kaedah tangkapan dalam jumlah yang mencukupi akan dikenakan denda ganti rosak minimum sebanyak RM 200.00 bagi satu episod kerja.
2.	Bilangan pekerja yang dinyatakan dalam sebutharga ini hendaklah bilangan sebenar yang akan diadakan bagi melaksanakan semua kerja di bawah kontrak ini.	Kegagalan mengadakan bilangan sebenar pekerja tersebut akan dikenakan denda ganti rosak minimum RM 75.00 bagi setiap orang pekerja yang kurang untuk satu episod kerja.
3.	<p>Kontraktor hendaklah menyediakan peralatan perlindungan diri yang mencukupi bagi setiap pekerjanya.</p> <p style="text-align: center;">dan / atau</p> <p>Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam, sarung tangan dan kasut yang sesuai kepada pekerja mereka. Peralatan perlindungan diri hendaklah dipakai tiap-tiap hari semasa bekerja oleh pekerja-pekerja.</p>	<p>Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut akan dikenakan denda ganti rosak minimum RM 75.00 bagi satu episod kerja.</p>
4.	<p>Kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja tangkapan anjing berkeliaran merujuk kepada lokasi, masa dan hari bekerja yang telah dijadualkan.</p> <p>Kontraktor juga tertakluk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.</p>	Kegagalan untuk mematuhi arahan-arahan ini akan dikenakan denda ganti rosak RM 400.00 bagi setiap satu episod kerja.

*Kadar denda akan dikenakan terhadap kontraktor di mana ianya akan ditolak daripada jumlah tuntutan bayaran interim pada bulan tuntutan



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

**(LAMPIRAN 1 CONTOH
PELEKAT KENDERAAN)**

CONTOH PELEKAT KENDERAAN



**KONTRAKTOR
MAJLIS BANDARAYA
SUBANG JAYA**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

**(LAMPIRAN 2 - TATACARA
OPERASI PENANGKAPAN &
PELUPUSAN ANJING TERBIAR
DI KAWASAN PBT,
PEKELILING KSU KPKT)**



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
NO.51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5003
Fax : 03-8891 5558

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 6(3)

Tarikh : 9 Julai 2014

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 5 TAHUN 2014**

***TATACARA OPERASI PIAWAI (SOP)
PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR
DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN***

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai pengurusan aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT.

LATAR BELAKANG

2. Penyediaan SOP ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Oktober 2013 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-67 pada 4 Mac 2014 yang

bersetuju supaya diwujudkan satu SOP untuk rujukan agensi pelaksana.

3. SOP ini merangkumi semua aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT, Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah dan Sarawak penggunaan SOP ini tertakluk kepada penerimaan PBN sebagaimana yang dipersetujui.

4. SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
No. 51, Persiaran Pertama, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Bahagian Kesihatan Persekitaran**)

No. Tel : 03-8891 3300
No. Faks : 03-8891 3098

bersetuju supaya diwujudkan satu SOP untuk rujukan agensi pelaksana.

3. SOP ini merangkumi semua aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT, Semenanjung Malaysia. Bagi negeri Sabah dan Sarawak penggunaan SOP ini tertakluk kepada penerimaan PBN sebagaimana yang dipersetujui.

4. SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
No. 51, Persiaran Pertama, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
(u.p.: **Bahagian Kesihatan Persekitaran**)

No. Tel : 03-8891 3300
No. Faks : 03-8891 3098

PENUTUP

7. Pekelliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT untuk perhatian dan tindakan sewajarnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

Yang Ikhlas,



(DATO' SERI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan.

9 Julai 2014

s.k.

Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran Kepada

**Pekeliling Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
Dan Kerajaan Tempatan**

Bilangan 5 Tahun 2014

**Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan
Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan**

<u>Kandungan</u>	<u>Muka Surat</u>
SENARAI SINGKATAN	6
BAHAGIAN I	7
1 Pengenalan	7
2 Objektif	8
3 Tafsiran	8
BAHAGIAN II	9
4 Prosedur Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar	9
4.1 Aktiviti Kawalan Anjing Terbiar	9
4.2 Penangkapan Anjing	10
4.3 Pengurangan Anjing	13
4.4 Tuntutan Semula Anjing	14
4.5 Pelupusan Anjing	15
4.6 Melapor dan Merekod	16
5 Kesimpulan	17
6 Rujukan	17
LAMPIRAN	
Lampiran 1: Borang Aduan Anjing Terbiar	18
Lampiran 2: Kaedah Penangkapan Anjing Menggunakan Gelung	19
Lampiran 3: Kaedah Penangkapan Anjing Menggunakan Perangkap	20
Lampiran 4: Kaedah Penangkapan Anjing Menggunakan Jaring	21
Lampiran 5: Spesifikasi Ukuran Sangkar Di Dalam Kenderaan	22
Lampiran 6: Notis Pemberitahuan Penangkapan Anjing Berlesen Yang Terbiar	23
Lampiran 7: Perkara Yang Dilarang Semasa Menangkap Anjing	24
Lampiran 8: Spesifikasi Saiz Sangkar Di Dalam Paun	25
Lampiran 9: Borang Tuntutan Semula Anjing	26
Lampiran 10: Borang Permohonan Anjing Angkat	27
Lampiran 11: Laporan Suntikan Anjing Terbiar	28
Lampiran 12: Carta Alir Aktiviti Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar Di PBT	29

SENARAI SINGKATAN

JPV	:	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JKT	:	Jabatan Kerajaan Tempatan
NGO	:	Badan Bukan Kerajaan
PAUN	:	Tempat Kurungan Anjing
PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
PBN	:	Pihak Berkuasa Negeri
PPE	:	Alat Pelindungan Keselamatan
SOP	:	Tatacara Operasi Piawai

TATACARA OPERASI PIAWAI (SOP) PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

BAHAGIAN I

1. PENGENALAN

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah menyediakan Garis Panduan Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar pada bulan Mei 2008 sebagai rujukan untuk diguna pakai oleh mana-mana jabatan atau agensi yang terlibat dalam aktiviti berkenaan. Garis panduan ini telah diedarkan oleh JPV kepada PBT untuk makluman dan pelaksanaan.

Walau bagaimanapun, kaedah yang dilaksanakan oleh sesetengah PBT tidak memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan dalam garis panduan tersebut. Oleh yang demikian, satu Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan Dan Pelupusan Anjing Terbiar perlu diwujudkan untuk diguna pakai oleh semua PBT di seluruh Malaysia.

Isu berkaitan anjing terbiar seringkali dipaparkan di media massa sejak kebelakangan ini. Kaedah penangkapan dan pelupusan yang digunakan oleh PBT dianggap penganiayaan kepada anjing dan tidak dipersetujui oleh *Non-Government Organisation* (NGO). Sehubungan dengan itu, SOP yang dirangka ini diharap dapat menyelesaikan masalah tersebut dan seterusnya membantu PBT dalam menjalankan operasi dengan lebih berkesan dan tanpa penganiayaan kepada haiwan.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan mewujudkan keseragaman Tatacara Operasi Piawai(SOP) dalam aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing terbiar di kawasan PBT seluruh Malaysia
- 2.2 Memastikan kaedah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiayaan kepada haiwan.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Dalam SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Penganiayaan” ertinya tidak memberi:

- i) persekitaran yang sesuai;
- ii) makanan yang sepatutnya;
- iii) kebebasan untuk berkelakuan seperti sifat semulajadinya;
- iv) tempat tinggal yang sempurna; dan
- v) perlindungan daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

- 3.2 **“Anjing terbiar”** ertinya semua jenis anjing yang tidak berlesen atau berlesen yang merayau tanpa tuan atau penyelia di tempat awam dalam kawasan PBT.

- 3.2 “Anjing berlesen” ertinya anjing yang didaftarkan oleh pemunya di kawasan PBT anjing tersebut dipelihara.

BAHAGIAN II

4. PROSEDUR PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR

4.1 Aktiviti Kawalan Anjing Terbiar

- i) Menerima, merekod dan menyiasat aduan:
 - a) Butir-butir aduan yang diterima melalui telefon, surat, akhbar dan lain-lain dicatatkan ke dalam sistem e-aduan atau borang aduan anjing terbiar seperti di **Lampiran 1**;
 - b) Mengenalpasti aduan atau maklumat yang diterima;
 - c) Pegawai yang berkenaan menjalankan siasatan di lapangan dan menyediakan laporan;
 - d) Membuat ulasan sekiranya tindakan tidak dapat diambil ke atas aduan tersebut.
- ii) Operasi Rutin / Pemantauan Lokasi:
 - a) Menyelaras, mengatur serta membuat jadual perancangan bagi menentukan tarikh, masa dan tempat operasi penangkapan anjing terbiar.

- b) Mewujudkan serta menyediakan peta kawasan operasi mengikut kawasan atau sistem *zoning*.

4.2 Penangkapan Anjing

- i) Membuat persiapan sebelum operasi penangkapan anjing dijalankan.
- ii) Mengatur pasukan atau anggota yang mencukupi bagi operasi tersebut.
- iii) Anggota yang terlibat dalam operasi hendaklah mereka yang terlatih, berkemahiran dan tidak melakukan penganiayaan kepada haiwan.
- iv) Semua anggota yang terlibat dalam operasi tangkapan anjing hendaklah dibekalkan dengan Alat Pelindungan Keselamatan (PPE) yang sesuai dan mencukupi di samping sentiasa memastikan ianya dipakai dengan sempurna sepanjang tempoh operasi dijalankan.
- v) Memastikan peralatan dan perkakas mencukupi serta sesuai disamping menyediakan senarai semak peralatan.
- vi) Anjing hendaklah ditangkap menggunakan kaedah-kaedah seperti berikut:

- a) Kaedah gelung – Kaedah ini menggunakan gelung yang diperbuat daripada tali atau lain-lain bahan yang boleh dilaras (*adjustable*) dengan pemegang panjang yang tidak mendatangkan kecederaan kepada anjing. Keterangan mengenai kaedah ini sila rujuk di **Lampiran 2**;
- b) Kaedah Perangkap – menggunakan sangkar dengan umpan untuk menarik anjing memasuki perangkap seperti keterangan di **Lampiran 3**;
- c) Kaedah Jaring – Jaring digunakan untuk menyerkup dan menangkap anjing tanpa mendatangkan kecederaan kepada anjing seperti keterangan di **Lampiran 4**;
- d) *Tranquilizer Gun* – Penggunaan pistol pelali hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan (rujukan kepada pihak Polis dan Jabatan Veterinar) dan hendaklah digunakan secara berhemah.
- e) Kaedah-kaedah lain yang dicadangkan dari masa ke semasa berdasarkan kepada penerimaan kaedah yang terkini hendaklah mendapat panduan dan nasihat daripada pihak JPV.

- f) Penangkapan akan dibuat sekiranya terdapat anjing terbiar atau berkeliaran di tempat aduan atau sasaran.
- g) Anjing yang ditangkap hendaklah dibawa dengan kenderaan yang sesuai mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JPV ke tempat kurungan anjing yang telah disediakan. Kenderaan yang digunakan mestilah mempunyai ruang dan pengudaraan yang mencukupi untuk bilangan anjing yang ditangkap, bersih, selesa, dan menyediakan makanan dan minuman jika perlu untuk penghantaran yang selamat dari masa ditangkap hingga dibawa ke tempat kurungan. Semua anjing yang ditangkap mesti dihantar ke tempat kurungan pada hari ianya ditangkap dengan selamat. Ukuran sangkar anjing dalam kenderaan adalah seperti di **Lampiran 5**.
- h) Semua anjing berlesen yang telah ditangkap hendaklah dimaklumkan kepada tuan punya anjing yang berkenaan melalui telefon atau notis pemberitahuan seperti di **Lampiran 6**.
- i) Pemeriksaan susulan atau rondaan perlu dijalankan sekiranya gagal menangkap anjing di kawasan aduan bagi mengelakkan aduan berulang.
- j) Perkara-perkara yang dilarang semasa menangkap anjing adalah seperti di **Lampiran 7**.

4.3 Pengurungan Anjing

- i) PBT hendaklah menyediakan paun yang sesuai mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh JPV seperti di **Lampiran 8**.
- ii) Sekiranya penangkapan dibuat maka anjing tersebut akan dikurung di paun atau tempat kurungan anjing sehingga pemilik anjing datang membuat tuntutan atau tamat tempoh kurungan.
- iii) Bagi anjing yang berlesen tempoh pengurungan adalah selama tujuh hari manakala bagi anjing yang tidak berlesen tempoh pengurungan adalah selama dua hari dari tarikh anjing ditangkap.
- iv) Anjing berpenyakit yang telah disahkan oleh Pegawai atau Pembantu Veterinar atau mana-mana pegawai di PBT yang terlatih dan telah diturunkan kuasa oleh pihak JPV yang tidak boleh diubahi maka anjing tersebut boleh dilupuskan mengikut jangka waktu yang telah ditetapkan oleh Pegawai atau Pembantu Veterinar tersebut.
- v) Semasa dalam tempoh pengurungan anjing-anjing hendaklah di tempatkan di dalam tempat kurungan yang sesuai dan diberi makan seperti yang disebutkan di para 4.3 (iii) dan rujukan **Lampiran 8**.

4.4 Tuntutan Semula Anjing

- i) Pemilik anjing boleh menuntut semula anjing yang telah ditangkap dan dikurung dalam tempoh pengurungan.
- ii) Pemilik anjing perlu datang dan mengenal pasti anjing milik mereka.
- iii) Pemilik anjing hendaklah mengisi borang permohonan tuntutan semula anjing seperti di **Lampiran 9**.
- iv) Pegawai yang berkenaan perlu memastikan maklumat anjing yang dituntut menepati dengan prosedur permohonan tuntutan semula anjing yang telah ditetapkan oleh PBT masing-masing.
- v) Pemilik anjing perlu menjelaskan bayaran kompaun dan memohon lesen sekiranya belum berlesen sebelum menuntut semula anjing mereka.
- vi) Caj pengurungan harian yang munasabah boleh dikenakan kepada pemilik anjing bagi menanggung kos makanan semasa tempoh pengurungan anjing tersebut.
- vii) Anjing yang ditangkap hendaklah diserahkan kepada pemiliknya setelah prosedur di atas selesai.
- viii) Anjing yang ditangkap juga boleh diserahkan sebagai anjing angkat kepada individu atau pihak NGO yang

berminat untuk dipelihara sekiranya anjing tersebut tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.

- ix) Permohonan anjing angkat oleh individu atau pihak NGO yang berminat hendaklah dibuat di dalam borang permohonan anjing angkat seperti di **Lampiran 10**.

4.5 Pelupusan Anjing

- i) Pelupusan anjing akan dibuat selepas tamat tempoh pengurangan yang ditetapkan seperti yang disebutkan di para 4.3 iii iaitu sekiranya tiada tuntutan semula ke atas anjing-anjing tersebut.
- ii) Anjing-anjing hendaklah dilupuskan rujukan Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) dengan cara suntikan dan disahkan mati oleh Pegawai Veterinar atau mana-mana pegawai di PBT yang terlatih dan telah diturunkan kuasa oleh pihak JPV.
- iii) Setelah anjing disuntik, pegawai yang berkenaan hendaklah mengisi borang laporan suntikan anjing terbiar seperti di **Lampiran 11**.
- iv) Anjing yang telah disahkan mati hendaklah dibawa ke tapak pelupusan untuk ditanam atau dilupus dengan kaedah lain seperti pembakaran dalam *incinerator*.

- v) Sekiranya kaedah penanaman digunakan, ianya hendaklah mengikut rujukan Akta Binatang 1953 (Akta 167) mengikut Seksyen 28 iaitu pelupusan binatang yang dijangkiti, burung atau “carcass” dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing.

4.6 Melapor dan Merekod

- i) Setelah dilupuskan, Pegawai yang berkenaan hendaklah melaporkan kepada Ketua Unit Kesihatan Persekitaran yang berkenaan untuk makluman.
- ii) Seterusnya, selepas laporan diterima, ia hendaklah direkodkan dan disimpan dalam fail jabatan. Carta alir aktiviti penangkapan dan pelupusan anjing di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **Lampiran 12**.
- iii) Rekod-rekod yang perlu disimpan adalah seperti berikut:
 - a) Rekod aduan anjing terbiar;
 - b) Rekod tindakan susulan/siasatan ke atas aduan;
 - c) Rekod pemberitahuan kepada pemunya mengenai penangkapan anjing berlesen;
 - d) Rekod operasi penangkapan anjing terbiar;

- e) Rekod tuntutan semula anjing oleh pemilik anjing;
- f) Rekod permohonan anjing angkat;
- g) Rekod suntikan dan pelupusan anjing; dan
- h) Rekod-rekod lain yang difikirkan perlu oleh PBT.

5. KESIMPULAN

Pada kesimpulanya SOP ini dihasilkan ialah untuk mewujudkan keseragaman di kalangan PBT seperti kaedah aktiviti kawalan anjing, penangkapan anjing, pengurungan anjing, tuntutan semula anjing dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiyaan terhadap haiwan anjing terbiar ini di seluruh Malaysia.


6. RUJUKAN

- i) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- ii) Akta Binatang 1953 (Akta 647)
- iii) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147).
- iv) Manual Prosedur Kerja : Proses Kerja Menangkap Anjing Berkeliaran, Unit Kawalan *Pest*, Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- v) Prosedur Penangkapan Dan Pemusnahan Anjing Liar, Majlis Perbandaran Klang.
- vi) Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing.


BORANG ADUAN ANJING TERBIAR

MAKLUMAT PENGADU			
Nama			
No. K/P			
Alamat			
No. Telefon			
SALURAN ADUAN <i>(Sila tandakan (✓) di ruang berkenaan)</i>			
Melalui Telefon		Datang ke Pejabat	
Surat		Lain-Lain <i>(nyatakan)</i>	
MAKLUMAT ADUAN <i>(Sila tandakan (✓) di ruang berkenaan)</i>			
Tarikh Aduan			
Lokasi Aduan			
Catatan			
PENGESAHAN			
Pengadu,	Tandatangan		
..... ()			
UNIT ANJING TERBIAR <i>(Untuk kegunaan pejabat sahaja)</i>			
Tarikh Terima			
Tarikh Siasatan			
Ulasan (PPKP / PKA)			
Kelulusan			
Tandatangan / Nama Pegawai			


KAEDAH MENANGKAP ANJING MENGGUNAKAN GELUNG





Hampiri anjing dengan perlahan, sambil memegang gelung di belakang atau tepi dengan kabel gelung tergantung longgar.



Dengan perlahan masukkan gelung melalui kepala anjing sehingga gelung tersebut sampai ke leher anjing. Gunakan satu tangan untuk menarik kabel sehingga ia mengikat leher anjing tanpa menjerutnya. Gelung ini reka sebegitu rupa untuk mengendalikan anjing tanpa mencederakannya



Setelah gelung dijamin ikatannya dengan perlahan bimbing anjing kearah tujuan yang diperlukan dengan cara menolak dan bukan menarik.



SEDIAKAN sekeping papan yang tidak licin untuk membolehkan anjing naik keatas kenderaan dan setelah ianya masuk sangkar lepaskan ikatan leher dengan perlahan sambil menutup pintu sangkar dan menarik keluar gelung.


KAEDAH PENANGKAPAN MENGGUNAKAN PERANGKAP



CONTOH JENIS
PERANGKAP



1. Sediakan perangkap anjing dimana anjing terbiar sering berkeliaran.
2. Masukkan umpan dalam sangkar untuk mengumpun anjing.
3. Pada kebiasaanya anjing terbiar akan mencari makan pada malam hari, maka datang kembali pada keesokan hari untuk melihat jika ada anjing yang terperangkap.
4. Jangan mengendalikan anjing terbiar tanpa peranti pelindungan diri.
5. Jika terdapat anjing yang terperangkap, gunakan gelung untuk mengeluarkan anjing dari perangkap dan masukkan dalam kenderaan tangkap anjing tanpa mendatangkan kecederaan atau penyiksaan kepada anjing.

KAEDAH PENANGKAPAN MENGGUNAKAN JARING



1. Berdiri dengan jaring tanpa menakutkan anjing
2. Semungkin boleh cuba rapatkan anjing kedinding untuk mengelakkan daripada ia lari
3. Jangan terlalu rapat kerana ia akan menakutkan anjing. Gunakan pemegang jaring sebagai pengukur. Jarak yang disyorkan 3 meter.

4. Dengan perlahan rapatkan jaring dari bahagian tepi anjing dan serkup terus supaya ia tidak dapat melarikan diri. Perhatian perlu diberi supaya anjing tidak mendapat kecederaan semasa proses ini.



5. Rapatkan jaring hingga ke bawah dan pusing pemegang jaring supaya jaring membuat ikatan dengan anjing

Lampiran 5

SPESIFIKASI UKURAN SANGKAR DI DALAM KENDERAAN

Spesis	Luas lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Tinggi minima (cm)	Maksimum bilangan anjing	Penambahan keluasan lantai bagi setiap penambahan anjing (cm ²)
Anjing (Tinggi)					
< 45 cm	5400	60	60	1	
> 45 cm	8100	90	90	1	

**NOTIS PEMBERITAHUAN
PENANGKAPAN ANJING BERLESEN YANG TERBIAR**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa anjing tuan seperti butiran di bawah telah ditangkap oleh Pegawai dari PBT kerana didapati terbiar pada tarikh:..... masa:..... di kawasan:.....,

Dengan itu tuan adalah diminta untuk menuntut semula anjing tuan dalam tempoh 7 hari dari tarikh Notis ini, di mana jika tuan gagal untuk menuntut semula anjing tuan dalam tempoh yang tersebut maka pihak PBT akan melupuskan anjing tersebut.seperti mana pihak PBT dapati perlu.

1. Nama Pemunya:
2. No. Kad Pengenalan:
3. Alamat :
4. No. Telefon :
5. Anjing Ditempatkan di:
6. Butir-Butir Anjing :
Jantina : Jantan / Betina Jenis :
Warna : Fizikal :
Lain-Lain :
7. No. Lesen:

Untuk Kegunaan Pejabat

TUNTUTAN INI : DILULUSKAN / DITOLAK


Tarikh :
.....

Tandatangan:
(Pengarah Kesihatan)

PERKARA YANG DILARANG SEMASA MENANGKAP ANJING



JANGAN menarik,
menyentap,
mengheret atau
mengangkat
anjing
menggunakan
gelung.



Lampiran 8

SPESIFIKASI UKURAN SANGKAR DI DALAM PAUN

Spesis	Luas lantai minima (cm ²)	Lebar minima (cm)	Tinggi minima (cm)	Maksimum bilangan anjing	Penambahan keluasan lantai bagi setiap penambahan anjing (cm ²)
Anjing (8-16 minggu)	6000	60	50	4	1500
< 3 kg	6000	60	50	2	3000
> 3 kg					
Anjing (Tinggi)	15000	90	180	1	
< 40 cm	24000	90	180	1	
40 -70 cm	35000	90	180	1	
> 70 cm					

BORANG PERMOHONAN ANJING ANGKAT

8. Nama Pemohon :
9. No. Kad Pengenalan :
10. Alamat :
11. No. Telefon :
12. Bil. Anjing Yang Dituntut :
13. Tujuan Tuntutan :
14. Lokasi Anjing Akan Ditempatkan :
15. Butir-Butir Anjing :
- Jantina : Jantan / Betina Jenis :
- Warna : Fizikal :
- Lain-Lain :
16. Klinik Haiwan :
17. No. Lesen :

Semua keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh : Tandatangan:
(Pemohon)

*Sila sertakan salinan kad pengenalan

Untuk Kegunaan Pejabat

PERMOHONAN INI: DILULUSKAN / DITOLAK

Tarikh : Tandatangan:
(Pengarah Kesihatan)

Lampiran 11

LAPORAN SUNTIKAN ANJING TERBIAR

1. Tarikh Suntikan :
2. Tarikh Tangkapan :
3. Kawasan Tangkapan :
4. Jumlah Suntikan :

****Potong yang mana tidak berkenaan***

.....
Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Diselia Oleh,


.....
Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Disahkan Oleh,

.....
PKP / PPKP

*Nota : Pegawai Kesihatan Perserkitaran (PKP)
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP)*

CARTA ALIR
AKTIVITI PENANGKAPAN DAN PELUPUSAN ANJING TERBIAR
DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)





BAHAGIAN P

MAKLUMAT PETENDER